



# Buletin Kelab

KELUARAN 14/06

<http://iiu.edu.my/kkk>

April 2006

## AKTIVITI KELAB KEBAJIKAN

Dari Abdullah bin 'Amr r.a., Rasulullah s.a.w.bersabda, "Sampaikanlah pesanku biarpun satu ayat..!"



### Kandungan Buletin

Kesihatan	2
Keluarga	3
Bersama Ketua Biro Ekonomi	4
Tahukah anda tentang Kelab	4
Hadis Pertama	5
Antara 3 Pilihan	7
Beza Lelaki Dan Wanita	8

18 Mac 2006. Bertempat di Endah Parade, Sri Petaling, Telah diadakan **Kejohanan Bowling UIAM 2006**. Kejohana tersebut telah disertai oleh semua jabatan di UIAM. Seramai 33 pasukan dari semua jabatan telah menyertai kejohanan tersebut. Pasukan Pusat Matrikulasi UIAM telah menghantar satu pasukan yang terdiri dari empat orang peserta. Mereka terdiri dari **Pn. Rohaida Mohamed, En. Asnalizam Abu Talib, En. Azrul Hazlie Ishak dan En. Suhaizan Zulhifli**. Pasukan Pusat Matrikulasi UIAM telah mendapat tempat **ke 3** dengan mata **2361**. Manakala Pn. Rohaidah Mohamed telah mendapat tempat **ke 2** dalam ketogeri wanita dengan mata **660**. Tahniah diatas kejayaan yang telah mereka perolehi dan menaikan nama Pusat Matrikulasi ini.

**Pada 18 Mac 2006 (Sabtu)** Kelab telah mengadakan rombongan ke Majlis **Perkhawinan saudara En. Mohd Saifullah Hassan di Rompin**. Rombongan tersebut telah menaiki sebuah bas dan sebuah van menuju ke sana Rombongan tersebut telah selamat sampai ke Pusat Matrikulasi pada pukul 12 malam. Kelab mendoakan semoga **En. Mohd Saifullah Hassan** berbahgia sehingga ke anak cucu. Selamat pengantin baru.

**Pada 01 Mac 2006** Timbalan Dekan LTD, **Encik Razak Abu Bakar** telah dimasukkan ke Wad Hospital Tawakal kerana mengidap sakit belakang. Pihak

kelab telah pergi melawat beliau di sana. Pada 03 Mar 2006 pula beliau telah menjalani pembedahan di bahagian tulang belakang. Beliau telah bercuti di rumah beliau dari 12 Mac 2006 sehingga 3 April 2006. Buat masa ini beliau beransur sihat. Kelab mendoakan semoga beliau cepat sembuh dan boleh menjalankan tugas semula.

**Kejohanan Bowling Pusat Matrikulasi 2006** yang akan diadakan pada 8 April 2006. Seramai 48 peserta lelaki dan 10 peserta wanita akan menyertai kejohanan tersebut. Penyertaan peserta telah ditutup. Kejohana tersebut akan diadakan di UBowl, One Utama. Persediaan bagi kejohana tersebut berjalan lancar.

**Survival Camp** yang akan diadakan di Lubuk Tedung Kemensah Ulu Kelang, masih lagi menunggu pemohonan dari peserta-peserta yang berminat untuk menyertai program tersebut. Penyertaan masih lagi dibuka dan sesiapa yang berminat silalah hubungi En Mohd Haisamiddin te, 3155 di Jabatan STAD.

**Kejohanan Liga 3K** tea berakhir pada 7 Mac 2006 malam. Perlawanan akhir diantara pasukan Al-Aqsa melawan Pasukan Tana Toraja. Didalam perlawana tersebut telah dimenangi oleh pasukan Al-Aqsa 2-1. Tempat pertama telah dimenangi oleh Al-Aqsa, kedua Tana Toraja, ketiga Eversafe FC dan ke empat AL-Asad. Penjaring terbanyak jatuh kepada saudara Mohd Azzizat Abdul Rahman. - 13 gol. Hadiah-hadiah telah disampaikan oleh En Zabidi Nasan.



## KESIHATAN

**Khasiat Jus Buah-Buahan****Aprikot**

Buah ini banyak mengandungi protein dan vitamin C seperti vitamin A, B, B2, B3 dan C. Buah bergizi tinggi ini sangat baik jika dimakan setiap hari. Apalagi aprikot tidak mengandungi kolestrol dan baik untuk melancarkan pedaran darah. Lemak dari isinya baik untuk dijadikan cream pelembap.

**Epal**

Buah epal banyak mengandungi magnesium, zat besi dan silikon, potasium, fosfor, sodium, kalsium dan belerang. Epal juga mengandungi vitamin A, B dan C. Zat asam pada epal merupakan zat pembersih tubuh yang sangat baik serta dapat menyembuhkan keradangan pada tubuh.

**Bayam**

Merupakan makanan yang penting untuk alat pencernaan, baik bagi saluran makanan dalam tubuh seperti perut, usus kecil serta usus besar. Bayam mengandungi unsur unsur potasium, sodium, kalsium, iodine, fosfor, magnesium, belerang dan zat besi. Selain itu bayam juga mengandungi hampir semua vitamin seperti A, B, C dan E. Untuk mengatasi sembelit, minumlah jus bayam sebanyak setengah liter

sehari selama beberapa hari. Jus bayam jugak berkhasiat untuk mencegah penyakit gusi.

**Limau**

Semua jenis limau merupakan sumber vitamin C yang utama. Kandungan vitamin C yang utama dan membantu memperkuat jaringan otot-otot urat dan dinding pembuluh darah. Penderitaan gusi berdarah, gigi rosak dan sakit sendi dapat diatasi dengan segelas jus limau atau lemin setiap hari.

**Timun**

Sayuran ini enak dimakan serta menyihatkan. Hirisan timun ditempelkan ke mata setiap tiga minit selama 20 minit pada kelopak mata untuk mengatasi mata yang sering letih dan mengantuk. Jus timun merupakan salah satu diuresis terbaik untuk melancarkan pembuangan air kecil dan menurunkan darah tinggi.

**MEMBANTU ORANG YANG NAZAK**

Menurut Ustaz, masyarakat Melayu telah lama buat salah dalam 'membantu' seseorang menghadapi sakaratul maut. Menjadi kebiasaan, kita akan menjadikan orang yang tengah nazak merasa lebih kelam kabut (kerana menurut ustaz sebelum datangnya kematian, kita 'disibukkan' dengan segala gambaran perbuatan kita di dunia). Kaedah yang sepatutnya diamalkan ialah:-

i. Lantik seorang yang bacaan Alquran nya baik (dari segi tajwid) untuk membaca surah Yasin- yang lain2 boleh bersama2 semak.

ii. Sebaik2 orang yang dilantik itu adalah anak ataupun saudara terdekat yang mempunyai perasaan kasih pada orang yang tengah nazak.

iii. Merenung wajah orang tengah nazak sebelum surah Yasin dibaca untuk menimbulkan rasa belas kasihan dan mudah2an surah yang dibaca boleh membantu pencabutan nyawa beliau.

iv. Membaca 3 hingga 4 kalimah Surah Yasin, berhenti, dan menolong beliau untuk melafaz "Laa ila ha illallah".

v. Kemudian menyambung semula bacaan, baca 3 hingga 4 kalimah, berhenti lagi, dan menolong beliau mengucap "Laa ila ha illallah" lagi.

vi. Diteruskan sehingga lah beliau menghembuskan nafas yang terakhir. Semoga ini dapat meningkatkan lagi ilmu pengetahuan kita dalam 'membantu' saudara mara atau mak ayah kita dalam menghadapi sakaratul maut.

semoga kita mendapat segala rahmat serta hidayah NYA dalam membuat amal kebajikan dengan cara yang betul bukan semata2 melalui ikutan adat. Wassalam.

## KELUARGA

### Jenaka bantu tingkat hubungan dengan anak

SATU panduan dalam berhadapan dengan masalah anak remaja adalah gunakan unsur atau pendekatan ringan dan berjenaka ketika berbicara dengan mereka. Berikan kata-kata nasihat apabila diminta. Jika kita terus memberi nasihat, terutama jika kata-kata kita itu panjang lebar, besar kemungkinan wajah anak akan berubah menjadi kabur. Remaja akan anggap ia suatu syarahan atau leteran. Dan anda akan dapati dia akan memadamkan antena pendengarannya.

L. Gunakan bahasa kita dan saya bukan awak, engkau atau kamu. Cara membahaskan sesuatu, terutama jika tidak puas hati dengan sesuatu yang dilakukan oleh remaja juga penting. Elakkan daripada berkata: "Kamu ni mengapa tidak faham-faham." Sebaliknya katakanlah: "Mak suka kalau Azam boleh faham..." Kesan ayat pertama adalah remaja beranggapan kesalahan itu sentiasa di atasnya, sementara cara ayat kedua adalah lebih halus. Kesan ayat kedua ialah anak remaja diajak untuk berfikir dan memahami betapa kesan daripada sesuatu keadaan itu juga terasa ke atas kita.

2. Pilih masa dan tempat sesuai untuk berbicara. Remaja paling tidak suka atau berasa kurang enak jika diajak berbicara secara bertentangan mata. Jika kita berada dalam suasana di dalam rumah, cuba pilih tempat yang santai seperti duduk-duduk di sofa yang sama, bersebelahan satu sama lain atau sambil membasuh pinggan. Kita menyabun dan remaja membilas. Berbicaralah di dalam keadaan begini. Jika perlu keluar dari suasana rumah, pergi ke taman dan duduk-duduk di atas bangku, juga secara sebelah menyebelahan. Ketika memandu, biar anak duduk di sebelah. Pasti pelbagai cerita yang bakal keluar dari mulutnya dalam suasana begini.

3. Bantu remaja anda bersimpati dengan diri anda. Berkongsi dan curahkan segala isi hati anda sebagai seorang ibu dan individu. Biar anak anda tahu bahawa anda juga adalah seperti manusia biasa. Mempunyai hati yang mampu tersentuh dan disakiti orang lain. Juga kadang-kala boleh terkeliru dalam

pemikiran, tindakan dan terganggu dan tergugat apabila berhadapan dengan situasi yang membimbangkan. Kita tidak sekali-kali harus membiarkan remaja membawa hati dan dirinya terus memasuki alam rakannya yang lain, alam sekolahnya atau hiburan sebagai jalan untuk lari daripada realiti keluarganya sendiri. Apa yang kita boleh cuba buat adalah supaya tidak berhenti untuk berbicara (bukan berleter) dan terus tekun mendengar. Kadang-kala, anak tiada apa yang mahu dikatakannya. Tetapi, mana tahu? Suatu hari nanti, secara tiba-tiba dia akan membuka mulutnya dan bercerita segala yang terbuku di hatinya. Kesabaran kita kemungkinan membuah hasil. Suasana keluarga yang aman tenteram adalah apabila anak remaja berasa senang meluahkan isi hati dan segala permasalahannya. Ibu bapa pula akan lebih senang hati tanpa diganggu-gugat oleh tekanan perasaan. Remaja perlu dilayani seperti manusia dewasa yang mempunyai harga diri. Jiwa dan pintu hati mereka perlu diketuk dengan halus dengan sentuhan dan santunan budi. Dengan itu sekurang-kurangnya mereka akan terasa kehadiran mereka dihargai. Mana tahu? Sekeras-keras batu pun akan lekuk dengan aliran air. Inikan pula hanya sekeping hati dari darah daging kita sendiri, penyambung generasi umat Islam. Di dalam genggam tangan merekalah nanti terletaknya masa depan ummah yang disegani.

**Agama tidak melarang sesuatu perbuatan kalau perbuatan itu tidak merosak jiwa. Agama tidak menyuruh, kalau suruhan tidak membawa selamat dan bahagia jiwa. ( Hamka).**

Dari Abdullah bin 'Amr r.a.,  
Rasulullah s.a.w.bersabda,  
"Sampaikanlah pesanku biarpun satu  
ayat..!"



*Biro Perhubungan dan  
Penerbitan  
Kelab Kebajikan Kakitangan  
Pentadbiran Pusat*

Phone: 03-77803216  
Fax: 03-79571006  
Email: amin@iiu.edu.my

Hubungi kami sekiranya  
perlu berkenaan Kelab  
Kebajikan kakitangan  
Pusat Matrikulasi UIAM.

### BERSAMA KETUA BIRO EKONOMI

Nama: **Khairul Nizam Muslim**

No staff: **2879**

Jawatan di UIA: **Pembantu Am Rendah**

Jawatan di Kelab: **Ketua Biro Ekonomi**

Alamat : **3061 Kampung Sungai Penchala, Jalan Damansara  
60000 Kuala Lumpur.**

Berapa lama jadi ahli kelab: **8 tahun**

Tarikh Lahir : **28/1/1978**

Tempat lahir : **Muar, Johor.**

Email : **Krulmatric@yahoo.com**

Berapa cahaya mata: **-2 orang , 1 perempuan dan 1 lelaki**

Harapan terhadap kelab: **Kelab KKK lebih maju untuk tahun hadapan .**

Kenangan manis bersama kelab : **Dapat membantu kawan saya yang terminum  
minyak tanah, yang disangkakan air masak. Berjaya menguruskan program  
tapak niaga semasa Minggu Takruf.**

Kenangan pahit bersama kelab: **Kurang sambutan pelajar sewaktu mengata-  
kan program Bazaar Ramadhan kerana saingan dari luar.**

Cadangan kepada Kelab: **Memperbanyakkan lagi aktiviti yang berfaedah bagi  
menyatukan lagi ahli-ahli.**



## TAHUKAH ANDA TENTANG KKK

- 1.. Siapakah Penaung Kelab Kebajikan Kakitangan Pusat Matrikulasi UIAM yang Pertama ?
2. Siapakah Pengerusi Kelab Kebajikan Yang pertama ?
3. Siapakah Pengerusi Hari Keluarga yang pertama yang diadakan oleh Kelab Kebajikan ?
4. Dimanakah Hari Keluarga yang pertama diadakan ?
5. Siapakah pencipta Logo Kelab Kebajikan ?
6. Berapakah jumlah ahli Kelab Kebajikan pada mula-mula di tubuhkan dan tahun berapa ?
7. Pada tahun berapakah Kelab Kebajikan mengadakan acara korban yang pertama ?

Encik Mohsin Ibrahim

Encik Shamuddin Musa

Encik Abdul Rahim Sulaiman

Padang Bolasepak Pusat Matrikulasi UIAM , Lembah Pantai

Encik Abdul Hakim Ahmad

20 Orang., 1987

Tahun 1994

## HADIS PERTAMA

1- Dari Jabir bin Abdullah r.a., katanya: Pernah Rasulullah s.a.w apabila berpidato merah menyala matanya, lantang suaranya dan bersangatan marahnya, sehingga seolah-olah Baginda seorang pemberi amaran yang menyatakan kepada angkatan tentera (tentang kedatangan musuh) dengan katanya: Bahawa musuh akan datang menyerang kamu pada pagi-pagi hari dan (mungkin) pada waktu petang!; serta Baginda bersabda: "(Masa) aku diutuskan dan masa berlakunya qiamat seperti dua jari ini," lalu Baginda menyatukan kedua jari tangannya - jari telunjuk dan jari tengah, serta baginda bersabda lagi: "(Ketahuilah) selain dari itu, maka sebenar-benar perkataan ialah kitab Allah dan sebaik-baik jalan pimpinan ialah jalan pimpinan Muhammad (s.a.w) dan (sebaliknya) sejahat-jahat perkara ialah perkara-perkara baharu (yang) diada-adakan dalam agama), sedang tiap-tiap perkara baharu (yang diada-adakan dalam agama) itu adalah bid'ah dan tiap-tiap bid'ah itu sesat". Kemudian Baginda bersabda lagi: "Aku adalah berhak menolong tiap-tiap seorang mukmin lebih daripada ia menolong dirinya sendiri, - sesiapa yang meninggalkan harta benda maka itu adalah untuk waris-warisnya dan sesiapa yang meninggalkan hutang atau orang yang kehilangan tempat bergantung maka terserahlah kepadaku menjaganya atau akulah yang menanggung hutangnya". (Muslim dan Lain-lainnya).

Hadis yang pertama ini mengandungi tentang:

- (1) Gaya Rasulullah s.a.w semasa berpidato.
- (2) Masa baginda diutus oleh Allah Taala dan saat berlakunya qiamat.
- (3) Kitab Allah ialah sebenar-benar perkataan dan jalan pimpinan Rasulullah s.a.w ialah sebaik-baik jalan pimpinan.
- (4) Perkara-perkara baharu yang diada-adakan dalam agama adalah seburuk-buruk perkara.
- (5) Keadaan Rasulullah s.a.w dengan orang-orang mukmin.

Hurainnya:

**Pertama** - Gaya Rasulullah s.a.w semasa berpidato:

Tabligh (tugas menyampaikan perintah-perintah agama) adalah tujuan pokok dari perutusan Rasulullah s.a.w, manakala pidato adalah salah satu cara bagi Baginda menjalankan tugas tabligh. Dengan jalan pidato, Rasulullah s.a.w menyampaikan perkara-perkara yang mesti disampaikan dari perkara-perkara yang sekecil-kecilnya hingga kepada yang sebesar-besarnya, apakala keadaan menghendakinya.

Semasa berpidato, tergambar pada anggota-anggota lahir Baginda kesungguhan hatinya mengenai apa yang hendak disampaikannya melalui pidatonya itu, lebih-lebih lagi pada perkara-perkara yang hebat, seperti berlakunya qiamat. Baginda melafazkannya dengan suara yang lantang, merah matanya, dengan rupa marah nampaknya, seperti keadaan seorang panglima memerintah tentera, memberi amaran tentang serangan musuh, yang akan datang menyerbu entah pada waktu pagi dan petang. Keadaan yang demikian adalah sangat mustahak untuk menarik perhatian dari seluruh ahli satu-satu rapat umum, kerana segala gerakan dan keadaan air muka pemberi pidato itu besar kesannya kepada mereka.

**Kedua** - Masa Baginda diutus dan saat berlakunya qiamat: Meskipun masa berlakunya hari qiamat tidak ada sesiapa yang mengetahuinya dengan tepat melainkan Allah, tetapi Rasulullah s.a.w telah menerangkan secara umum bahawa masa berlakunya qiamat itu telah hampir. Baginda membuat bandingan tentang kehampirannya itu seperti hampirnya jari telunjuk dengan jari tengah, yakni antara dua jari itu tidak ada diselangi oleh jari lain, maka begitulah masa Baginda diutus dengan masa berlakunya qiamat, tidak ada Rasul yang membawa wahyu yang lain yang menyelangnya atau bezanya masa berlaku qiamat dengan masa Rasulullah s.a.w diutus adalah seperti bezanya panjangnya jari tengah dari jari telunjuk.

**Ketiga** - Kitab Allah Adalah Sebenar-benar Perkataan: Benar bererti tepatnya sesuatu yang disebut dengan keadaannya yang sebenar. Ketetapan itu ialah apabila yang menyebut itu mempunyai pengetahuan yang luas meliputi segala hal keadaan yang dinyatakannya; pengetahuan yang sedemikian tidak dipunyai melainkan oleh Allah Subhanahu wa Taala. Kitab Allah, kitab suci Al-Qur'an Al-Karim, antara lain mengandungi kisah-kisah kejadian yang berlaku, sama ada yang berlaku sebelum daripada masa turunnya, semenjak zaman purba ataupun yang berlaku kemudian daripada masa turunnya hingga hari qiamat. Mengenai perkara-perkara yang telah berlaku, Al-Qur'an Al-Karim telah menceritakan dalam keadaan yang terbuka kepada segala lapisan masyarakat dan apa yang telah diceritakannya itu tidak ada sesiapapun yang menentanginya, dari golongan ahli pengetahuan yang

jujur. Demikian juga, mengenai perkara-perkara yang akan datang, Al-Qur'an telahpun menceritakannya dan di antaranya ada yang telah berlaku menjadi kenyataan sebagaimana yang telah diceritakannya dan setengahnya yang lain lahir ke alam nyata melalui kajian-kajian sains.

Ini adalah di antara bukti-bukti yang menunjukkan bahawa kisah dan kejadian-kejadian yang disebut dalam kitab Allah itu adalah benar, maka demikianlah pula mengenai bahagian-bahagian yang lain, seperti bahagian hukum, bahagian pengajaran dan seterusnya adalah semuanya benar belaka. Kitab Allah adalah sebenar-benar perkataan, kerana ilmu Allah itu adalah meliputi segala-galanya.

#### **Pimpinan Rasulullah s.a.w.:**

Nabi Muhammad s.a.w diutuskan untuk memimpin umat manusia ke jalan yang benar, yang boleh menyampaikan kepada matlamat kebahagiaan sejati. Jalan pimpinan Baginda adalah sebaik-baik jalan pimpinan kerana pimpinan baginda adalah dengan panduan wahyu melalui malaikat yang diutus oleh Allah Azza wa Jalla pencipta seluruh alam. Dalam buku-buku karangan mengenai pimpinan-pimpinan dunia yang masyhur, terdapat Nabi Muhammad s.a.w disebut dari jumlah mereka. Ya, sungguh benar, Baginda termasuk dalam jumlah pemimpin-pemimpin dunia yang terkenal, tetapi yang lebih benarnya ialah pimpinan Rasulullah s.a.w tidak boleh ditandingi dengan pemimpin-pemimpin dunia yang lain, yang dalam hal memimpin rakyat, mereka hanya berpandu kepada fikiran masing-masing yang sangat terbatas, dalam keadaan dan masa yang terbatas.

#### **Keempat** - Perkara-perkara Baharu yang diada-adakan dalam Agama:

Dimaksudkan dengan perkara-perkara baharu yang diada-adakan dalam agama itu ialah perkara-perkara yang menyalahi dengan maksud isi kandungan Kitab Allah, Sunnah Rasulullah s.a.w, Aathar sahabat dan Ijma Ulama.

Perkara-perkara baharu yang demikian itulah dia bid'ah yang merupakan jalan baharu yang menyeleweng dari jalan yang sebenar, maka sudah tentu tidak akan sampai kepada matlamat kebahagiaan yang sejati. Kebahagiaan yang memang dikehendaki ini bukan sahaja dalam kehidupan dunia ini semata-mata, bahkan yang terutama sekali ialah kebahagiaan di akhirat kelak dan jalan ke akhirat itu tidak sesiapa yang mengetahuinya dan tidak akan berhasil dengan cara diagak-agak dan direka-reka sendiri oleh sesiapaupun. Dengan sebab itu maka perkara-perkara yang menyalahi itu sudah tentu membawa bahaya yang besar dan balasan yang seburuk-buruknya.

#### **Kelima** - Keadaan Rasulullah s.a.w dengan orang-orang Mukmin:

Sebagaimana yang sedia maklum bahawa tiap-tiap orang adalah berhak menjaga keadaan diri sendiri lebih dari orang-orang lain, tetapi Rasulullah s.a.w berhak menjaga keadaan setiap orang mukmin lebih daripada orang mukmin itu menjaga diri sendiri.

Dengan sifat seorang pemimpin negara dan pemimpin agama, yang membawa perutusan dari Allah Subhanahu wa Taala, Baginda mencurahkan segala daya upaya, segala kebolehan dan segala perasaan untuk kebaikan umat di dunia dan di akhirat, jauh sekali Baginda melakukan kecuaiian dalam menjalankan tugas untuk kebaikan dan tidak sekali-kali Baginda berusaha untuk kepentingan diri sendiri.

Di antara cara-cara Baginda menjaga kebaikan orang-orang mukmin ialah kesanggupan Baginda menjaga orang-orang yang kehilangan tempat bergantung dan membayar hutang yang ditinggalkan oleh si mati yang tidak meninggalkan harta benda.

**Anda hendaklah lebih banyak berfikir dan bercakap tentang pengalaman-pengalaman yang menggembirakan daripada pengalaman-pengalaman yang membawa duka nestapa.**

## ANTARA 3 PILIHAN

### Kekayaan, Kejayaan Atau Kasih Sayang?

Seorang wanita sedang keluar dari rumahnya apabila dia terlihat tiga orang lelaki tua berjanggut panjang yang berwarna putih sedang duduk di halaman rumahnya. Dia tidak kenal akan mereka. Wanita itu bertanya, "Saya tidak fikir saya mengenali awak semua, tetapi saya pasti awak semua mesti sedang lapar. Silalah masuk ke rumah saya dan makan sesuatu." "Adakah suami awak ada dirumah?", mereka bertanya. "Tidak", wanita itu berkata. "Suami saya telah keluar." "Jadi, kami tidak akan masuk", mereka menjawab. Sewaktu suaminya pulang ke rumah pada petang itu, wanita itu pun memberitahunya kejadian tersebut. "Pergi beritahu mereka bahawa saya telah balik dan menjemput mereka masuk kedalam sekarang!" Wanita itu keluar dan menjemput ketiga-tiga lelaki tua itu masuk ke dalam. "Kami tidak akan masuk ke dalam rumah bersama-sama," mereka menjawab. "Mengapa begitu?" wanita itu ingin tahu. Salah seorang dari lelaki tua itu pun menerangkan : "Namanya ialah Kekayaan," Dia berkata sambil menunjuk ke arah salah seorang

kawannya, dan beralih menunjuk ke arah kawan yang seorang lagi, "Dia adalah Kejayaan, dan saya adalah Kasih Sayang." Dia menyambung lagi, "Sekarang masuklah semula kedalam rumah dan berbincanglah dengan suami awak, siapakah di antara kami bertiga yang kamu ingin jemput kedalam rumah." Wanita itu pun masuk semula kedalam dan memberitahu suaminya perkara tersebut. Suaminya berasa sungguh gembira. "Bagusnya!!" dia berkata. "Kalau macam tu jemputlah Kekayaan masuk. Biar dia masuk dan mengisi rumah kita ini dengan Kekayaan!" Isterinya tidak bersetuju. "Abang, kenapa pula kita tidak menjemput Kejayaan?" Kebetulan, menantu perempuan mereka juga sedang mendengar perbualan itu dari satu sudut rumah yang lain. Dia lalu menyampuk dan memberikan pandangannya : "Bukankah lebih baik sekiranya kita menjemput Kasih Sayang? Rumah kita ini pasti akan diselubungi dengan Kasih Sayang!"

"Biarlah kita mengikut nasihat menantu kita itu," kata suami itu kepada isterinya. "Keluar dan jemputlah Kasih Sayang sebagai tetamu kita." Wanita itu pun keluar dan bertanya kepada tiga lelaki tua, "Yang mana satu diantara kamu adalah Kasih Sayang? Silalah masuk dan jadi tetamu kami." Kasih Sayang bangun dan mula berjalan ke arah rumah. Kedua-dua lelaki yang lain juga bangun dan mengikutinya. Terperanjat, wanita itu pun bertanya kepada Kekayaan dan Kejayaan : "Saya cuma menjemput Kasih Sayang, mengapa kamu juga ikut sekali?" Mereka semua menjawab: "Jika awak menjemput samada Kekayaan atau Kejayaan, yang lain akan tunggu diluar, tetapi oleh kerana awak telah menjemput Kasih Sayang, kemana-mana sahaja dia pergi, kami akan pergi bersamanya. Dimana ada Kasih Sayang, disitu juga ada Kekayaan dan Kejayaan!"

Assalamualaikum..

## Beza Lelaki & Wanita

### a) Lelaki

Lelaki bujang kena tanggung dosa sendiri apabila sudah baligh manakala dosa gadis dara ditanggung oleh bapanya. Lelaki berkahwin kena tanggung dosa sendiri, dosa isteri, dosa anak perempuan yang belum berkahwin dan dosa anak lelaki yang belum baligh. BERATKAN ??!

Hukum menjelaskan anak lelaki kena bertanggungjawab ke atas ibunya dan sekiranya dia tidak menjalankan tanggungjawabnya maka dosa baginya terutama anak lelaki yang tua, manakala perempuan tidak, perempuan hanya perlu taat kepada suaminya. Isteri berbuat baik pahala dapat kepadanya kalau buat tak baik dosanya ditanggung oleh suaminya. BERATKAN??!

Suami kena bagi nafkah pada isteri, ini wajib tapi isteri tidak. Walaupun begitu isteri boleh membantu. Haram bagi suami bertanya pendapatan isteri lebih-lebih lagi menggunakan pendapatan isteri tanpa izin ini. Banyak lagi lelaki lebih-lebih lagi yang bergelar suami perlu tanggung. Kalau nak dibayangkan beratnya dosa-dosa yang ditanggungnya seperti gunung dengan semut. Itu sebabnya mengikut kajian nyawa orang perempuan lebih panjang daripada lelaki. Lelaki mati cepat kerana tak larat dengan beratnya dosa-dosa yang ditanggung. Tetapi orang lelaki ada keistimewaannya yang dianugerah oleh Allah SWT. Ini orang lelaki kena tahu, kalau tak tahu kena jadi perempuan.

Begitulah kira-kiranya.

### b) Wanita

Auratnya lebih susah dijaga berbanding lelaki. Perlu meminta izin dari suaminya apabila mahu keluar rumah tetapi tidak sebaliknya. Saksinya kurang berbanding lelaki. Menerima pusaka kurang dari lelaki. Perlu menghadapi kesusahan mengandung dan melahirkan anak. Wajib taat kepada suaminya tetapi suami tak perlu taat pada isterinya. Talak terletak di tangan suami dan bukan isteri. Wanita kurang dalam beribadat kerana masalah haid dan nifas yang tak ada pada lelaki.

Di akhirat kelak, seorang lelaki akan dipertanggungjawabkan terhadap 4 wanita ini: isterinya, ibunya, anak perempuannya dan saudara perempuannya.

Manakala seorang wanita pula, tanggungjawab terhadapnya ditanggung oleh 4 orang lelaki ini: suaminya, ayahnya, anak lelakinya dan saudara lelakinya.

Seorang wanita boleh memasuki pintu Syurga melalui mana-mana pintu Syurga yang disukainya cukup dengan 4 syarat sahaja: sembahyang 5 waktu, puasa di bulan Ramadhan, taat suaminya dan menjaga kehormatannya.

Seorang lelaki perlu pergi berjihad fisabilillah tetapi wanita jika taat akan suaminya serta menunaikan tanggungjawabnya kepada ALLAH akan turut menerima pahala seperti pahala orang pergi berperang fisabilillah tanpa perlu mengangkat senjata.

Sabda Baginda Nabi saw yang bermaksud;

" Pada hari itu (hari Qiamat) manusia diberitahu akan segala yang telah dikerjakannya dan yang telah ditinggalkan. Bahkan manusia itu, anggotanya menjadi saksi terhadap dirinya sendiri, walaupun dia berperilaku-perilaku memberikan alasan untuk membela diri "

Wallahu A'lam...